

**SKIM AMALAN LADANG BAIK MALAYSIA**  
MALYSIAN FARM CERTIFICATION SCHEME FOR GOOD AGRICULTURAL PRACTICE  
**JABATAN PERTANIAN** TM



## PAKAIAN PELINDUNG DIRI YANG PERLU DIPAKAI SEMASA MENGENDALIKAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

### 1. Semasa Mengangkut

- a) Sarung tangan getah/nitril (**Dilarang** guna sarung tangan yang diperbuat daripada kain atau kulit)
- b) Apron
- c) Kasut (**Dilarang** guna kasut yang diperbuat daripada kain atau kulit)

### 2. Semasa Membancuh

#### i) **Racun Makhluk Perosak Berbentuk Debu atau Serbuk**

- a) Sarung tangan getah/nitril
- b) Pelindung muka (digalakkan) atau pelindung mata (gogel) dan penutup mulut-hidung (*dust mask*)
- c) Baju lengan panjang
- d) Seluar panjang
- e) Kasut but (**Jangan** guna kasut yang diperbuat daripada kain atau kulit)

#### ii) **Racun Makhluk Perosak Cecair**

- a) Sarung tangan nitril
- b) Penutup mulut-hidung (*dust mask*)
- c) Pelindung mata (gogel)
- d) Baju lengan panjang
- e) Seluar panjang
- f) Kasut but (**Jangan** guna kasut yang diperbuat daripada kain atau kulit)
- g) Apron

#### iii) **Racun Makhluk Perosak Butir**

- a) Sarung tangan getah/nitril
- b) Penutup mulut-hidung (*dust mask*) atau pelindung muka
- c) Baju lengan panjang
- d) Seluar panjang
- e) Kasut but (**Jangan** guna kasut yang diperbuat daripada kain atau kulit)
- f) Apron

**3. Semasa Menyembur**

- a) Sarung tangan getah/nitril
- b) Penutup mulut/hidung (*dust mask*)
- c) Pelindung mata (gogel)
- d) Baju lengan panjang
- e) Seluar panjang
- f) Kasut but (**Jangan** guna kasut yang diperbuat daripada kain atau kulit)
- g) Apron
- h) Topi (**Jangan** pakai topi yang diperbuat daripada kain atau jerami)

**4. Semasa Mencuci Alat Penyembur**

- a) Sarung tangan getah/nitril
- b) Baju lengan panjang
- c) Seluar panjang
- d) Kasut but (**Jangan** guna kasut yang diperbuat daripada kain atau kulit)
- e) Apron

**PROSEDUR KEMALANGAN****1. Sekiranya Melibatkan Manusia:**

- a) Bawa orang yang berkenaan jauh dari punca tumpahan racun.
- b) Tanggalkan pakaian yang tercemar.
- c) Bahagian yang terkena racun hendaklah dibasuh.
- d) Jika ada tanda-tanda keracunan bawa pekerja berkenaan menemui doktor dengan segera. Bawa sekali bekas racun yang masih berlabel semasa mendapatkan rawatan.

**2. Sekiranya Berlaku Tumpahan Racun Makhluk Perosak:**

- a) Bendung dan alihkan tumpahan menggunakan bahan penyerap seperti habuk papan atau pasir.
- b) Kumpulkan racun makhluk perosak yang telah diserap dalam bekas khas.
- c) Bersihkan/nutralkan tempat tumpahan.
- d) Pastikan air basuhan tidak mencemar punca air.
- e) Lupuskan racun makhluk perosak yang diserap dengan kaedah yang dibenarkan oleh undang-undang

**3. Nombor telefon:**

- i. Hospital : .....
- ii. Ambulan : .....
- iii. Bomba : .....
- iv. Pegawai Perlu Dihubungi : ..... (tel:.....).
- v. Tempat Telefon Terdekat. : .....



## GARIS PANDUAN PENYIMPANAN RACUN MAKHLUK PEROSAK



SALM 5-11

### Tempat Penyimpanan (Stor)

#### i. Mesti

- a) Berbumbung, kering dan jauh daripada punca air bagi mengelakkan risiko kepada punca air jika berlaku tumpahan.
- b) Mempunyai pengudaraan dan pencahayaan yang cukup.
- c) Bertutup dan berkunci. Kunci hendaklah dipegang oleh pekerja/individu yang terlatih dalam pengendalian racun makhluk perosak.
- d) Diletakkan tanda bahaya dan tanda menunjukkan ia adalah stor racun makhluk perosak di bahagian luar stor.
- e) Mempunyai baldi berisi bahan penyerap yang digunakan untuk mengawal tumpahan racun makhluk perosak seperti habuk papan dan pasir. Ianya hendaklah sentiasa diletakkan dalam stor.
- f) Sentiasa mempunyai bekalan air untuk kerja pembersihan bila perlu.
- g) Racun-racun makhluk perosak jenis cecair diletakkan pada rak bahagian bawah racun makhluk perosak pepejal.
- h) Mempunyai Buku Inventori yang sentiasa dikemaskini bagi setiap stor.
- i) Mempunyai label asal dalam keadaan sempurna bagi setiap racun makhluk perosak yang terdapat di dalam stor berkenaan.
- j) Menampal Prosedur Kemalangan berdekatan dengan stor. Prosedur tersebut mestilah mengandungi maklumat penting sekiranya berlaku kecemasan/ kemalangan.

#### ii. Dilarang Sama Sekali

- a) Menyimpan bahan makanan, hasil pertanian dan bahan tanaman bersama-sama dengan racun makhluk perosak.
- b) Menyimpan Alat Pelindung Diri (PPE) di dalam stor racun makhluk perosak.

**iii. Digalakkan**

- a) Mempunyai alat pemadam api bagi setiap stor.
- b) Rak-rak yang terdapat di dalam stor diperbuat daripada bahan yang tidak menyerap cecair. (Bagi rak yang diperbuat daripada bahan yang menyerap cecair hendaklah dilapik dengan bahan yang tidak menyerap cecair.)
- c) Sebaik-baiknya racun rumpai diasingkan daripada racun-racun jenis lain.
- d) Stor racun makhluk perosak hendaklah diasingkan dari bahan-bahan lain termasuk bahan kimia pertanian yang lain seperti baja. Sekiranya racun makhluk perosak disimpan dalam sebuah bangunan stor yang sama dengan bahan-bahan lain maka sekatan perlu dibuat dan dilabelkan.
- e) Menyimpan hanya racun makhluk perosak berdaftar untuk tanaman yang ditanam di ladang tersebut sahaja.



## GARIS PANDUAN PELUPUSAN RACUN MAKHLUK PEROSAK



Pelupusan Racun Makhluk Perosak yang dimaksudkan adalah pelupusan sisa-sisa racun makhluk perosak seperti air basuhan dan lebihan bancuhan serta racun makhluk perosak itu sendiri.

### 1. Pelupusan Air Basuhan Dan Lebihan Bancuhan

Air basuhan dan lebihan bancuhan yang dimaksudkan adalah:

- Sejumlah kecil cecair racun makhluk perosak yang masih baik tetapi tidak diperlukan lagi dan telah dicairkan sekurang-kurangnya 10 kali.
- Racun makhluk perosak yang telah dibancuh dalam tangki semburan tetapi masih berbaki apabila kerja-kerja penyemburan pada hari tersebut selesai.
- Air basuhan peralatan penyemburan
- Air basuhan tangan dan pakaian perlindungan
- Air basuhan pembersihan tong dram.

Kaedah yang boleh digunakan untuk melupuskan air basuhan dan lebihan bancuhan racun makhluk perosak adalah :

#### i) **Masukkan ke dalam lubang tanah:**

- Kaedah ini hanya boleh digunakan di kawasan yang mempunyai paras air bawah tanah yang rendah.
- Gali sebuah lubang sedalam 0.5 - 1 meter, pastikan dasar lubang adalah kering iaitu tiada tanda-tanda telah mencapai tahap air bawah tanah atau kewujudan mata air.
- Lubang mestilah pada kedudukan melebihi 30 meter daripada punca air, sungai, telaga atau kawasan perumahan
- Air basuhan dialirkan secara perlahan ke dalam lubang kemudian lubang ditimbus dengan perlahan untuk mengelakkan air basuhan itu melimpah keluar.

## ii) Guna semula sebagai bahan pencair

Jika paras air bawah tanah adalah tinggi kaedah memasukkan sisa racun ke dalam lubang tanah **TIDAK BOLEH** dilakukan, satu pilihan lain bagi air basuhan ialah dengan menggunakannya sebagai pencair. Air basuhan dikumpulkan dalam tong dram yang ditanda dengan jelas dan mempunyai penutup yang ketat dan digunakan untuk membuat bancuhan **racun makhluk perosak yang sama** pada hari berikutnya.

## 2. Pelupusan Racun Makhluk Perosak

Pelupusan racun makhluk perosak dalam kuantiti yang besar memerlukan kos yang tinggi dan ini memerlukan perancangan teliti dari segi kewangan. Adalah lebih baik perancangan perolehan dan penggunaan yang teliti dibuat untuk mengelakkan lebihan racun makhluk perosak.

Perkara-perkara berikut adalah **DILARANG SAMA SEKALI**:

- Membuang racun makhluk perosak ke dalam sumber air seperti sungai, laut, tasik dan sebagainya.
- Menanam racun makhluk perosak ke dalam tanah (kecuali jika ada tapak khas).
- Menggunakan racun makhluk perosak untuk tujuan lain dari yang disyorkan pada label.
- Memberi racun makhluk perosak kepada pihak atau organisasi lain.

Sebaliknya adalah **DISYORKAN** supaya:

- Mengembalikan racun makhluk perosak kepada pembekal
- Melakukan pembakaran racun makhluk perosak pada suhu tinggi iaitu insinerasi.

## **PROSEDUR PELUPUSAN BEKAS RACUN MAKHLUK PEROSAK**

Terdapat 4 cara untuk melupuskannya bekas-bekas racun makhluk perosak, iaitu :

### 1. Tanam

- Kaedah ini hanya boleh digunakan di kawasan yang mempunyai paras air bawah tanah yang rendah.
- Gali sebuah lubang sedalam 0.5 - 1 meter, pastikan dasar lubang adalah kering iaitu tiada tanda-tanda telah mencapai tahap air bawah tanah atau kewujudan mata air.
- Lubang mestilah pada kedudukan melebihi 30 meter daripada sungai, telaga atau kawasan perumahan